

46

NO. SOALAN: 319

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10423

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas pihak polis yang menyebabkan kematian S. Balamurugan pada awal tahun ini. Bilakah mereka akan didakwa di mahkamah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyiasat kes kematian S. Balamurugan berkait Klang Repot:4859/2017 melibatkan seorang pegawai kanan polis dan telah dituduh di mahkamah pada 8 Ogos 2017 di bawah Seksyen 342 Kanun Keseksaan. Tertuduh tidak mengaku bersalah dan diberi jaminan mahkamah. Tarikh perbicaraan ditetapkan dari 8 hingga 10 Januari 2018.

Siasatan juga dijalankan berkait Sg. Kapar Repot 781/17 di bawah Seksyen 330 Kanun Keseksaan (memaksa pengakuan bersalah) yang mana seorang lagi pegawai kanan telah dituduh di Mahkamah Majistret Klang pada 30 Oktober 2017. Tertuduh tidak mengaku bersalah dan diberi jaminan mahkamah dan tarikh sebutan semula ditetapkan pada 16 November 2017.